

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
Tarikh : 17 SEPTEMBER 2004
Tajuk : "DASAR LUAR NEGARA SELEPAS 11 SEPTEMBER"

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,
Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama di majlis ini.

2. Banyak telah berlaku sejak Septemebr 11 dan banyak yang boleh kita perkatakan terhadap perubahan landskap dunia dalam konteks politik dan hubungan antarabangsa. Justeru tindakan dan pandangan kita terhadap isu antarabangsa memerlukan kita mengambil kira perkembangan semasa yang berlaku di sekeliling kita di peringkat rantau dan antarabangsa.

3. Dasar luar negara kita adalah berdasarkan kepada prinsip menghormati kemerdekaan dan kedaulatan sesebuah negara serta prinsip tidak campur tangan dalam hal-ehwal negara lain. Kita juga mendokong prinsip penyelesaian sengketa dan kewujudan bersama secara aman (non-confrontational) serta saling bekerjasama dengan semua pihak sama ada melalui hubungan dua hala ataupun pelbagai hala. Yang jelasnya, kita mahu berbaik-baik dengan semua negara.

4. Pendirian dan pelaksanaan dasar luar negara kita juga turut dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti geografi, sejarah, sosial dan politik. Pengaruh kepentingan alam sekitar dan perhubungan juga kini semakin penting. Ini semakin ketara dengan meningkatnya arus globalisasi dan revolusi informasi dan teknologi maklumat (ICT). Namun, apa jua pengaruh dan faktor yang kita ambil kira untuk membentuk dasar luar negara, objektif kita tetap sama, iaitu menjaga kepentingan Malaysia seperti mana yang saya nyatakan sebentar tadi.

5. Namun begitu, dalam melaksanakan dasar luar negara, sedikit sebanyak penyesuaian perlu juga dilakukan mengikut keadaan semasa, tanpa menimbulkan sebarang implikasi negatif terhadap pencapaian matlamat negara. Apa yang perlu ditekankan adalah, dasar luar kita merupakan satu dasar yang berprinsip konsisten dan pragmatik. Adakalanya kita dikritik kerana bersuara dengan agak lantang dalam menangani sesuatu isu, namun, kita tidak pernah serik untuk berjuang mempertahankan pendirian kita.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

6. Tanpa kita sedari, peristiwa 11 September 2001 sudah tiga tahun berlalu. Peristiwa itu diingati dengan pelbagai reaksi dan emosi seperti yang dilaporkan oleh media massa pada minggu lalu. Berikutan peristiwa 11 September itu juga, kita dapat lihat bahawa ianya telah merubah corak atau rangka hubungan antarabangsa. Kita dapat lihat bahawa kerjasama pelbagai hala melalui Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mula terkikis. Amerika Syarikat yang mulanya meminta bantuan masyarakat antarabangsa untuk menentang ancaman keganasan antarabangsa menyedari bahawa dalam dunia unipolar ini kuasanya sebagai negara kuasa besar tidak mampu dikekang dengan mudah oleh negara-negara lain. Oleh itu, ia mengorak langkah untuk mencapai matlamatnya secara unilateral tanpa menghiraukan mekanisme kerjasama pelbagai hala melalui PBB. PBB hanya digunakan sekiranya kepentingan mereka dapat dicapai melaluinya dan juga untuk menghalalkan cara tindakan mereka itu. Kemuncak kepada dominasi unilateralisme ini dapat dilihat semasa Iraq diserang oleh pakatan negara – negara yang dipelopori oleh Amerika Syarikat dan Britain. Akibatnya kedudukan PBB sebagai forum untuk berbincang dan mencari penyelesaian berhubung isu-isu antarabangsa mula tergugat. Sehingga kini dunia masih tertanya-tanya akan keutuhan PBB dan bagaimana negara-negara lain harus menghadapi ancaman ini.

7. Sebagai sebuah negara kecil, Malaysia bergantung kepada PBB untuk menjamin keutuhan kedaulatan kita. Kita lihat sekarang bagaimana sebuah kuasa besar dunia bertindak untuk melebarkan kuasa hegemoni mereka. Bagi mengukuhkan kepentingan mereka, berbagai cara digunakan. Alasan seperti demi menjamin demokrasi antarabangsa ataupun menentukan bahawa hak asasi manusia tidak dilanggar akan bermain dibibir mereka untuk mecabar kedaulatan sesebuah negara. Di Iraq, alasan yang digunakan ialah ancaman senjata pemusnah besar-besaran Iraq yang sehingga kini tidak dapat dikesan.

8. Tanpa sistem multilateral yang utuh kita tidak akan berdaya untuk menentang ancaman unilateral ini. Sehubungan dengan itu, apa yang ada pada negara-negara membangun seperti Malaysia ialah persatuan kita dengan negara-negara membangun yang lain seperti melalui Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan Kumpulan 77 (G77). Jika kita berseorangan nescaya kedaulatan yang kita kecapai selama ini akan dirampas dari tangan kita. Apa yang negara-negara membangun perlu lakukan adalah untuk memastikan bahawa negara kita diurus dengan baik agar tiada ruang yang dapat digunakan untuk mecabar kedaulatan kita.

Tuan-tuan dan Puan/puan,

9. Menyedari ancaman unilateralisme ini kepada kestabilan dunia, masyarakat dunia menyedari bahawa PBB perlu diperkukuhkan. Sehubungan dengan itu, kita gembira kerana Setiausaha Agung PBB telah menubuhkan satu Panel untuk mengubahsuai Organisasi ini agar dapat bertindak dengan lebih berkesan dalam menghadapi

cabaran baru dunia. Kepentingan proses ini kepada negara-negara membangun adalah amat penting kerana sistem multilateral akan dapat menjamin suara kita dapat didengari. Tanpanya dunia yang diasaskan kepada undang-undang antarabangsa dan orde baru dunia yang adil serta demokratik tidak akan tercapai. Malaysia akan terus bekerjasama dengan negara-negara membangun yang lain agar sistem multilateral ini tidak terus dipinggirkan.

10. Kita gembira kerana baru-baru ini, resolusi inisiatif NAM berhubung sokongan kepada multilateralisme dan peranan utama PBB dalam menjamin keamanan dan keselamatan antarabangsa serta kerjasama antarabangsa berpandukan undang-undang telah diterima oleh Perhimpunan Agung PBB. Dengan sokongan ini, Malaysia akan terus bekerjasama dengan lain-lain negara khususnya negara-negara membangun untuk menjamin kepentingan proses multilateral dikekalkan.

Tuan-tuan/Puan-puan,

11. Tidak dinafikan bahawa selepas Peristiwa 11 September, isu keganasan antarabangsa telah menjadi tema utama dalam perbincangan di pelbagai mesyuarat-mesyuarat serantau dan antarabangsa. Ianya telah juga membangkitkan kesedaran di kalangan masyarakat antarabangsa bahawa isu menangani keganasan perlu diberi perhatian yang lebih serius.

12. Justeru itu, kesan daripada peristiwa tersebut telah menggesa masyarakat antarabangsa untuk mengkaji semula dasar serta mekanisme hubungan antarabangsa yang sedia ada bagi mewujudkan satu kerjasama sejagat yang lebih erat dalam menangani isu keganasan secara berkesan dan saksama.

13. Peristiwa serangan 11 September pada tahun 2001 ke atas Amerika Syarikat, telah meninggalkan kesan mendalam kepada seluruh penduduk dunia. Malaysia serta banyak negara-negara lain juga telah mengutuk keganasan ini kerana kita berpendapat ia bukan caranya untuk mencapai penyelesaian masalah. Kita tidak menafikan bahawa terdapat banyak ketidakadilan berlaku dan keadaan ini perlu diperbetulkan. Tetapi, ia hendaklah diusahakan melalui tindakan-tindakan yang tidak melibatkan masyarakat awam yang tidak bersalah menjadi mangsa.

14. Tindakan keganasan mungkin dapat dihindari sekiranya masyarakat antarabangsa lebih sensitif dan memberi perhatian kepada punca kenapa keganasan itu berlaku, terutamanya faktor seperti ketidakadilan dan penindasan. Keganasan tidak mungkin dihapuskan dengan hanya memburu dan membunuh penganas. Lebih buruk lagi jika tindakan itu diambil secara unilateral tanpa mengambil kira pendapat masyarakat antarabangsa keseluruhannya. Serangan di Bali, Indonesia, di Casablanca, Maghribi, di Riyadh, Arab Saudi dan di Jakarta, Indonesia, baru-baru ini membuktikan bahawa keganasan akan terus menular. Selagi wujud penindasan dan penaklukan sesuatu kaum oleh kaum yang lain, pasti akan ada orang yang terdesak untuk melakukan keganasan.

15. Pada dasarnya, Malaysia berpendirian bahawa keganasan adalah satu fenomena global yang harus ditangani bersama. Tindakan menangani keganasan tidak harus melibatkan sebarang tindakan yang boleh menjejaskan kedaulatan sesebuah negara dan ianya tidak harus juga dihubungkan dengan sebarang budaya, kaum, bangsa atau agama.

16. Usaha-usaha membanteras serta mencegah keganasan haruslah berlandaskan kepada undang-undang antarabangsa dan prinsip-prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Sehubungan itu, Malaysia berpendapat bahawa PBB merupakan forum terbaik yang boleh bertindak sebagai penyelaras kepada usaha-usaha untuk menangani isu keganasan antarabangsa.

17. Sebagai ahli masyarakat antarabangsa yang berpegang kepada prinsip keamanan dan saksama, Malaysia telah memainkan peranan aktif di semua peringkat kerjasama dalam menangani keganasan.

18. Pada amnya, Malaysia berpendirian bahawa masyarakat antarabangsa harus bertanggungjawab untuk menyelesaikan isu ini secara komprehensif iaitu dengan mewujudkan satu definisi sejagat mengenai keganasan, mengenal pasti punca-punca atau faktor akar-umbi yang menyebabkan tindakan keganasan dan bertindak mencari penyelesaian kepada punca-punca keganasan.

19. Malaysia juga sedang dan akan berusaha untuk memperbetulkan persepsi sebahagian besar masyarakat antarabangsa terutamanya masyarakat Barat mengenai Islam. Tidak dapat dinafikan bahawa berikutan insiden-insiden keganasan yang berlaku sejak 11 September, masyarakat di Barat mempunyai persepsi bahawa keganasan antarabangsa berkait rapat dengan Islam. Sebagai sebuah negara Islam yang maju dan menganjurkan kesederhanaan, serta juga sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC), kita mempunyai tanggungjawab untuk memperbetulkan persepsi ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

20. Di peringkat antarabangsa, Malaysia telah memberi sokongan padu kepada aktiviti-aktiviti serta program-program yang disarankan oleh PBB melalui resolusi dan konvensyen antarabangsa dalam menangani isu-isu keganasan. Setakat ini, Malaysia telah menjadi Negara Parti kepada 5 daripada 12 Konvensyen dan Protokol PBB mengenai Keganasan Antarabangsa iaitu:

- Convention on Offences and Certain Other Acts Committed on Board Aircraft (1963);
- Convention for the Suppression of Unlawful Seizure of Aircraft (1970);
- Convention for the Suppression of Unlawful Acts against the Safety of Civil Aviation (1971);
- Convention on the Prevention and Punishment of Crimes against Internationally Protected Persons, including Diplomatic Agents (1973); dan
- International Convention for the Suppression of Terrorist Bombings (1997);

21. Kerajaan Malaysia akan terus mengambil usaha-usaha yang efektif untuk mengemas kini undang-undang dan mengambil tindakan pentadbiran yang sewajarnya untuk membolehkan Malaysia menjadi Negara Parti kepada tujuh Konvensyen dan Protokol lain yang berhubung kait dengan Keganasan Antarabangsa.

22. Di dalam beberapa persidangan antarabangsa juga serantau seperti OIC, APEC, ASEM, dan Komanwel, Malaysia turut bergiat aktif untuk menyertai semua usaha-sama dan perbincangan kerjasama menentang keganasan yang melibatkan perkongsian maklumat dan kepakaran, penghapusan aktiviti-aktiviti pembiayaan keganasan dan peningkatan kapasiti menangani keganasan.

23. Di peringkat ASEAN, pelbagai inisiatif kerjasama telah diwujudkan dengan negara-negara seperti India, China, Amerika Syarikat, Australia, Kesatuan Eropah dan Rusia. Kewujudan ASEAN telah menggalakkan corak hubungan yang dapat mengurangkan kadar risiko keselamatan. Ini dapat dilakukan melalui peningkatan hubungan dua-hala di samping menggalakkan dialog terbuka di ASEAN PMC dan ASEAN Regional Forum (ARF) berhubung isu-isu politik dan keselamatan termasuklah mewujudkan "confidence building measures".

24. Malaysia, bersama Amerika Syarikat (AS) telah menjadi tuan rumah kepada ARF Inter-Sessional Meeting on Terrorism and Transnational Crime (ISM CT-TC) yang berlangsung di Karambunai, Sabah pada 21 hingga 22 Mac 2003. Dalam mesyuarat tersebut, pelbagai usaha serta garis panduan telah dipersetujui oleh negara peserta untuk sama-sama berganding bahu menangani ancaman keganasan terutamanya melalui perkongsian maklumat dan risikan.

25. Antara isu yang dibincangkan adalah langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil terutamanya di kawasan sempadan setiap negara anggota. Ini meliputi kawalan terhadap pergerakan manusia, barang-barang serta dokumen.

26. Dalam usaha mengawasi pergerakan manusia terutamanya merentasi sempadan, prosedur-prosedur imigresen yang lebih ketat haruslah diberi penekanan. Begitu juga dengan usaha mengawal pergerakan barang-barang terlarang seperti senjata api dan bahan letupan yang dibawa keluar-masuk melalui sempadan juga haruslah diberi perhatian yang lebih serius. Manakala kawalan dokumen pula, terutamanya passport, pas sempadan atau dokumen perjalanan yang lain, haruslah dipastikan ketulenannya terlebih dahulu. Ini adalah amat penting kerana individu-individu serta kumpulan pengganas ini sentiasa menukar identiti bagi membolehkan mereka membolosi masuk ke mana-mana negara.

27. Selain dari kerjasama di peringkat ASEAN, Malaysia juga menandatangani perjanjian Perkongsian Maklumat dan Penubuhan Pusat Komunikasi dengan negara Filipina dan Indonesia pada 7 Mei 2002. Perjanjian ini merupakan satu lagi usaha kerjasama dalam menyelesaikan isu-isu sempadan dan keselamatan yang berkait rapat dengan aktiviti-aktiviti keganasan dan Jenayah Rentas

Sempadan. Perjanjian ini turut disertai oleh tiga buah negara lain iaitu Cambodia, Thailand dan Brunei.

28. Di peringkat serantau yang lebih luas pula, Malaysia telah menyertai secara aktif Mesyuarat Serantau Menentang Keganasan di Peringkat Menteri yang diadakan di Bali dari 4-5 Februari 2004. Mesyuarat Serantau ini merupakan anjuran kerajaan Australia dan Indonesia dalam usaha memupuk perbincangan, meningkatkan kerjasama serta mencari jalan penyelesaian di peringkat rantau Asia Pasifik berhubung dengan isu-isu keganasan secara lebih menyeluruh dan berkesan.

29. Dalam usaha mewujudkan kerjasama serantau yang berkesan di kalangan agensi-agensi penguatkuasa, Malaysia telah menggubal Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah yang berkuat kuasa pada 1 Mei 2003 bagi melicinkan pertukaran maklumat dalam mengendalikan isu-isu Keganasan dan Jenayah Rentas Sempadan.

30. Pada bulan Julai 2003, Malaysia telah menubuhkan Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT). Pusat tersebut yang dibiayai dan diuruskan sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia ini akan bertindak untuk meningkatkan lagi tahap keupayaan dan kecekapan negara dalam menangani sebarang bentuk ancaman daripada pengganas di rantau ini, selain daripada kerjasama dengan agensi-agensi antarabangsa yang lain.

31. Dengan adanya pusat ini, Malaysia dapat berkongsi pengalaman negara dalam usaha mengekang ancaman keganasan terutamanya sewaktu negara berada dalam tempoh darurat. Selain itu, pengalaman negara dalam menangani kegiatan Al Maunah serta Kumpulan Militan Malaysia (KMM) juga telah dapat membantu negara-negara lain dalam usaha mereka untuk menangani ancaman keganasan. Negara juga boleh berkongsi pengalaman dan pendapat mengenai kejayaan serta bagaimana perlunya diwujudkan sistem perundangan yang ketat seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), yang selama ini dikecam oleh beberapa negara, sebagai langkah pengawalan kepada ancaman keganasan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

32. Di peringkat kerjasama dua hala, Malaysia setakat ini telah menandatangani dua perjanjian kerjasama iaitu dengan Amerika Syarikat pada 14 Mei 2002, dan Australia pada 2 Ogos 2002 dalam usaha untuk menangani isu ancaman keganasan. Melalui kerjasama ini, Malaysia akan dapat bertukar-tukar pendapat serta pandangan di samping maklumat perisikan dengan negara-negara berkenaan.

33. Selain itu, Malaysia juga telah meningkatkan kerjasama dengan negara-negara jiran terdekat seperti Indonesia dan juga Thailand dalam usaha menangani ancaman keganasan. Misalnya, kerjasama antara Malaysia dan

Indonesia untuk membendung ancaman keganasan senantiasa berada pada tahap yang baik terutamanya melalui pertukaran maklumat risikan antara PDRM dan POLRI.

34. Agensi keselamatan kedua-dua negara telah bersetuju bahawa Jemaah Islamiah (JI) dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) merupakan ancaman terhadap keselamatan di Malaysia dan Indonesia serta rantau ini. Kedua-dua pihak berkuasa terbabit telah menjalinkan kerjasama yang baik dalam menghapuskan ancaman serta pengaruh pergerakan tersebut.

35. Melalui hasil pertukaran maklumat risikan antara kedua belah pihak beberapa kejayaan telah dicapai dengan penangkapan beberapa pemimpin gerakan berkenaan. Usaha PDRM selama ini telah berjaya menangkap seramai 93 ahli JI dan 26 ahli KMM.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

36. Dalam dunia yang kian dicengkam oleh ancaman pelbagai ancaman dan cabaran, kita harus bersyukur bahawa Malaysia terus diakui oleh banyak negara dan pelbagai pihak sebagai sebuah negara yang aman damai walaupun dihuni oleh pelbagai kaum yang menganuti pelbagai fahaman agama.

37. Rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat haruslah bersyukur dan menghargai keadaan aman yang terdapat di negara kita. Kestabilan dan kemajuan negara bukanlah datang dengan sendiri. Ianya dicapai melalui dasar, perancangan dan usaha yang mengambil kira sensitiviti pelbagai kaum yang berlainan di negara ini. Faktor-faktor seperti keadaan sumber manusia dan sumber alam, sejarah, geografi, ekonomi dan sosial akan terus menjadi landasan dan panduan sebelum sesuatu langkah serta dasar dilaksanakan oleh negara. Yang paling penting ialah pencapaian ini serta juga dalam memastikan kesinambungannya, kita memerlukan sebuah Kerajaan yang kuat dan mantap serta mendapat sokongan dari setiap lapisan masyarakat.

Sekian.

WABILLAHİ TAUFİK WALHİDAYAH WASALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHİ
WABARAKATUH.